

Nyatakan **BETUL** pada pernyataan yang menunjukkan cara-cara bersikap jujur dan **SALAH** pada pernyataan yang sebaliknya.

1. Hadif segera menyampaikan pesanan Cikgu Aza kepada rakan sekelasnya supaya menghantar latihan yang diberinya semasa kelas Bahasa Melayu pada minggu lepas.

2. Badriyah tidak memulangkan buku rujukan yang dipinjam daripada perpustakaan walaupun sudah melebihi tempoh meminjam.

3. Kuhan memberitahu ibunya bahawa dia telah tertumpah air secara tidak sengaja di atas katil kerana leka bermain telefon bimbit.

4. Encik James menjual barangan yang telah tamat tempoh kepada pelanggan di kedainya demi mengaut keuntungan.

5. Zhi Ling memulangkan kasut sukan yang dipinjam daripada kawannya dengan segera selepas mencucinya dengan bersih.

6. Kamal mengutip plastik roti yang terjatuh dari poket seluarnya semasa berjalan-jalan di tasik.

7. Izwan mengakui bahawa kebakaran kecil yang berlaku di dalam makmal adalah berpunca daripada tindakannya.

8. Dewi berjumpa dengan guru kelasnya untuk memberitahu bahawa dia telah menggunakan duit tabung Kelas 5 Aranda bagi kegunaan peribadinya.